

Jangan panik, ikut arahan

Penduduk perlu bersiap sedia ke pusat pemindahan yang dibuka semalam jika banjir

KELANANG - Penduduk yang menetap di kawasan berisiko banjir akibat air laut pasang besar dinasihatkan tidak panik apabila melihat persiapan dilakukan di dua buah pusat pemindahan di sini.

Timbalan Ketua Polis Daerah Kuala Langat, Kamal Ariffin Aman Shah berkata, bagaimanapun penduduk diminta mendaftar dan berpindah ke dua pusat pemindahan disediakan apabila diarahkan berbuat demikian.

"Persiapan awal dibuat untuk melancarkan tindakan awal menangani banjir tapi dalam masa sama saya percaya penduduk juga sudah maklum apa tindakan yang perlu mereka lakukan."

"Sebagai agensi yang berperanan menjaga

keselamatan, kita sentiasa mengawasi keselamatan sepanjang fenomena air pasang besar ini," katanya ketika ditemui di Pusat Pemindahan Mangsa Banjir di Dewan Kampung Kelanang di sini, semalam.

Sementara itu, Ketua Penolong Pegawai Daerah, Pejabat Tanah dan Daerah Kuala Langat, Saiful Bahari Ruslan berkata, pihaknya akan mengemas kini perkembangan dan membuat bebahan melalui akaun Facebook Pejabat Tanah Daerah Kuala Langat dari semasa ke semasa.

"Pemberitahuan awal penting sebagai persediaan penduduk berdepan dengan sebarang kemungkinan."

"Saya juga sendiri sudah tinjau pusat pemindahan yang dibuka semalam dan

INFO • Penduduk diminta berpindah ke pusat pemindahan yang disediakan jika banjir berlaku

segala keperluan diatur termasuk menempatkan anggota keselamatan dan waki agensi," katanya.

Semalam akhbar Unit Pengurusan Bencana Selangor meramalkan Daerah Kuala Langat antara daerah yang berdepan dengan air laut berada di paras tertinggi sehingga 5.5 meter di perairan Selangor sehingga Isnin ini dan sebanyak 23 pusat pemindahan mangsa banjir.



Kamal Ariffin (dua, kiri) bersama Saiful Bahari (tiga, kiri) dan beberapa waki agensi berbincang mengenai persediaan menghadapi banjir di Pusat Pemindahan Kelanang, semalam.

Jadikan Al-Quran Sebagai Bacaan Harian Anda



AL-QURAN AL-KARIM
WAQAF & IBTIDA' (A4)

RM 45.00

(Sem. Malaysia)

RM 48.00

(Sabah & Sarawak)

Saiz : 21.3 cm x 30.3 cm

KEISTIMEWAAN :

- Disemak dan diluluskan oleh Lajnah Tashih Al-Quran Kementerian Dalam Negeri (KDN) Malaysia
- Kaedah Tajwid berwarna beserta Panduan Waqaf & Ibtida' (cara berhenti dan memulakan bacaan dengan blok warna)
- Panduan bacaan Gharib dalam Al-Quran
- Panduan Adab Terhadap Al-Quran
- Asmaul Husna & Khat Resam Uthmani
- Doa Khatam Al-Quran



karyabestari.karangrafi.com **Karya Bestari** **@karyabestari** **@karyabestari**
 Karya Bestari, Lot 26, Jalan Ringkasan 15/5, Seksyen 15, 40200 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.
 No Tel: 03-51013517 / 3519 / 3520 • Faks : 03-51013685

Beli secara online di <http://www.karyabestari.com> atau whatsapp ke nombor 019-3297322. Dapatkan juga bukunya ini di rangkaian kedai buku MPH, POPULAR, MPH dan BORDERS serta kedai-kedai buku berlainan.